

# ELEKTRIK DAR SEKAM PAD APRIL DEPAN

**KUALA LUMPUR, Isnin—** Projek menggunakan sekam padi bagi penanaman kuasa elektrik akan mula dilaksanakan April tahun depan.

Projek atas dasar percubaan itu akan dijalankan di Kompleks Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), Teluk Kedah dan Jerun, Kedah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan Awam, Encik Hussein Mahmood berkata, kompleks janakuasa tersebut kini dalam pem-

binan.

Bellau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Haji Abu Bakar Umar (PAS-Kota Setar) semasa soaljawab di Dewan Rakyat hari ini.

Encik Hussein berkata, kadar pengeluaran sekam di dalam proses pengilangan padi ialah di antara 20 hingga 22 peratus dari jumlah padi yang dikisar.

Katanya, jumlah sekam padi yang dikeluarkan oleh semua kompleks LPN Kedah/Perlis adalah sebanyak 18,600 tan

metrik dalam tahun 1979, 25,900 tan metrik dalam tahun 1980 dan 35,700 tan metrik dalam tahun 1981.

Bagi tahun ini, anggaran pengeluaran sekam dijangka meningkat berikutan bermulanya operasi pengilangan di empat kompleks LPN yang baru di Kedah.

Encik Hussein berkata, penambahan kompleks tersebut menjadi jumlah keupayaan mengilang sebanyak 225,000 tan metrik padi setahun di kedua negeri itu.

Dari jumlah itu kompleks tersebut berupaya mengeluarkan

sebanyak 45,000 tan metrik sekam.

Sementara itu, Encik Hussein juga memberitahu, sebanyak 24 lagi permit bas ekpres telah dikeluarkan kepada pengusaha hingga September tahun ini, untuk berbagai laluan menghubungkan bandar-bandar besar dan kecil di Semenanjung.

Katanya, permit-permit tersebut dikeluarkan setelah mendengar maklumat yang diberi oleh pihak-pihak berkenaan semasa rundingan dijalankan.

Katanya, dalam menimbangkan

pengeluaran permit itu, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sentiasa memberi kepentingan kepada kepentingan kepada pengusaha dan keperluan orang ramai.

Menjawab soalan Encik Mohd. Haslan Abdul Hamid (BN-Matang) semasa soaljawab, Encik Hussein berkata, bilangan yang dikeluarkan adalah wajar memandangkan keperluan untuk laluan-laluan yang ada sekarang.

Bellau berkata, memandangkan permit-permit untuk tujuan tersebut baharu sahaja dikeluarkan, permohonan-permohonan baru tidak diproses kecuali bagi laluan Lebuh Raya Timur Barat.

Encik Hussein berkata, langkah ini dibuat untuk membolehkan Kementerian mengkaji kesan pengeluaran permit-permit baru ke atas pengguna-pengguna dan pengusaha yang sedia ada.

Bellau berkata, Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengeluarkan permit-permit bas ekpres sekiranya keperluan wujud.

Mulai tahun 1977 hingga Mei 1980, Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan menerima sebanyak 568 permohonan bas ekpres.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia